

KEMPEN CASA TAHUN BARU CINA 2024**TERMA DAN SYARAT**

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat Pendaftaran 199301017069 (271809-K)) (“UOB Malaysia”) sedang menjalankan “Kempen CASA Tahun Baru Cina 2024” (“Kempen”) dari 16 Oktober 2023 hingga 29 Februari 2024, termasuk kedua-dua tarikh atau tarikh-tarikh sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa (“Tempoh Kempen”).

Kelayakan

1. Kempen ini dibuka kepada semua pelanggan individu UOB Malaysia yang baru dan sedia ada yang membuka dan/atau membuat penempatan deposit dengan akaun semasa dan/atau simpanan konvensional kecuali Akaun Flexi Mortgage, Akaun Prosave-i, Akaun Basic Saving-i dan Akaun Basic Current-i di kaunter mana-mana Cawangan UOB Malaysia semasa Tempoh Kempen (“CASA Konvensional yang Layak”).
2. Individu yang termasuk dalam MANA-MANA syarat berikut tidak layak menyertai Kempen ini:
 - 2.1. Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Organisasi/Persatuan Amal/Bukan Untung, Pelanggan Korporat dan Komersial.
 - 2.2. Individu yang tidak siaman atau menjadi tidak siaman, meninggal dunia, dihukum bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka.
 - 2.3. Akaun yang Layak yang dipegang dengan UOB Malaysia ditamatkan atau ditutup dalam Tempoh Kempen.
 - 2.4. Semua pekerja (termasuk pekerja tetap, kontrak atau sementara UOB Malaysia, anak syarikat UOB Malaysia dan syarikat berkaitan UOB Malaysia).
 - 2.5. Akaun CASA Konvensional yang Layak dengan UOB Malaysia yang dikira delinken atau dikendalikan dengan cara yang tidak memuaskan yang ditentukan oleh UOB Malaysia.

Kaedah dan Syarat Kempen

3. Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan hendaklah menandatangani jumlah deposit tunggal minimum (“Jumlah Deposit Minimum”) dalam mana-mana satu CASA Konvensional yang Layak dengan tempoh yang diperuntukkan dalam Jadual 1. Bagi mengelakkan keraguan, jumlah wang yang didepositkan di bawah Kempen ini akan diperuntukkan dari tarikh penempatan deposit (“Tempoh”). Pelanggan yang memenuhi kriteria-kriteria ini selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”.



Jadual 1

Kategori Hadiah	Jumlah Deposit Minimum	Tempoh yang Diperuntukkan
Hadiah 1 : Arca Saduran Emas 24K Mini Patung Naga	RM68,000	4 bulan
Hadiah 2 : Arca Saduran Emas 24K Keluarga Patung Naga	RM98,000	4 bulan

4. Terdapat empat ratus (400) unit Hadiah 1 dan enam ratus (600) unit Hadiah 2 akan diberikan mengikut dasar yang terdahulu, didahulukan. Sekiranya Hadiah yang diperuntukkan ditebus sepenuhnya sebelum tamat Tempoh Kempen, pemberitahuan mengenai ketersediaan Hadiah akan diberi kepada Pelanggan yang Layak melalui notis yang dihantar di dalam laman web UOB Malaysia atau melalui apa-apa cara lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia.
5. Semasa Tempoh Kempen, setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak untuk menerima maksimum empat (4) unit untuk setiap kategori Hadiah.
6. Caj Penalti
 - 6.1. Jika mana-mana bahagian jumlah yang diperuntukkan telah dikeluarkan (sebahagian atau sepenuhnya) sebelum tarikh akhir Tempoh, UOB Malaysia berhak untuk menolak caj penalti berikut daripada CASA Konvensional yang Layak bagi setiap Hadiah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah pada waktu pengeluaran.

Jadual 2

Kategori Hadiah	Caj Penalti
Hadiah 1 : Arca Saduran Emas 24K Mini Patung Naga	RM95.00/unit
Hadiah 2 : Arca Saduran Emas 24K Keluarga Patung Naga	RM178.00/unit

- 6.2. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk memberi satu (1) hari perniagaan notis awal kepada UOB Malaysia dengan mengisi borang pengunduran UOB Malaysia yang disediakan oleh kakitangan UOB Malaysia tentang niat untuk mengeluarkan amaun yang diperuntukkan.
7. Jumlah Deposit Minimum ke dalam CASA Konvensional yang Layak mesti dilakukan dengan Dana Baru sahaja. 'Dana Baru' bermakna wang atau dana dalam Ringgit Malaysia yang dipindah, dikreditkan, atau dibayar daripada bank dan/atau institusi kewangan lain dengan apa-apa cara sekalipun ke dalam CASA Konvensional yang Layak bagi Pelanggan yang Layak melalui apa-apa cara termasuk tetapi tidak terhad kepada tunai, pemindahan Giro Antara Bank, pemindahan segera antara bank serta pengutipan dan pembayaran cek yang dikeluarkan daripada bank lain dan di mana wang atau dana yang dibayar atau dikreditkan ke dalam CASA Konvensional yang



Layak bagi Pelanggan yang Layak digunakan oleh Pelanggan yang Layak untuk melakukan penempatan mengikut terma dan syarat yang terkandung di sini dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan selepas wang atau dana sedemikian telah dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan yang Layak. Dana yang dipindahkan daripada mana-mana akaun simpanan/semasa/deposit tetap/Mata Wang Asing UOB Malaysia yang sedia ada atau dalam bentuk cek, arahan juruwang atau draf permintaan UOB Malaysia, adalah bukan dana baru dan tidak akan layak untuk Kempen ini. Dana dari hasil penebusan amanah saham akan ditakrifkan sebagai Dana Baru.

8. Pelanggan yang Layak perlu mengekalkan dana yang mencukupi dalam CASA Konvensional yang Layak untuk komitmen kewangan. Jika sebarang potongan daripada CASA Konvensional yang Layak (contohnya potongan yang dibuat melalui cek, GIRO atau arahan pembayaran yang lain) dikembalikan/ditolak kerana dana yang tidak mencukupi di dalam CASA Konvensional yang Layak (sama ada disebabkan oleh penguntukan atau tidak), bank yang berkenaan dan caj berkaitan akan dikenakan dan Pelanggan yang layak akan terus bertanggungjawab untuk caj tersebut.

Terma dan Syarat untuk Hadiah

9. Pelanggan yang Layak mesti menebus Hadiah di cawangan yang sama di mana Pelanggan yang Layak menyerahkan borang penyertaan dan seterusnya memperuntukkan Jumlah Deposit Minimum (“Cawangan Transaksi”). Penebusan Hadiah oleh Pelanggan yang Layak adalah tertakluk kepada **MANA-MANA** terma dan syarat berikut:-
 - 9.1. Selepas penjelasan cek bagi Pelanggan Layak yang menandatangani Dana Baru melalui cek.
 - 9.2. Pada hari yang sama deposit dibuat bagi Pelanggan yang Layak yang menandatangani Dana Baru dalam wang tunai.
 - 9.3. Pada hari yang sama kiriman wang dikreditkan ke dalam CASA Konvensional yang Layak bagi Pelanggan yang Layak yang menandatangani Dana Baru melalui Giro Antara Bank (IBG).
10. Gambar Hadiah yang dipaparkan dalam sebarang iklan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubung atau berkaitan dengan Kempen ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna, atau saiz sebenar Hadiah dan tidak termasuk sebarang alatan, aksesori atau kelengkapan pilihan yang dipaparkan. Dalam keadaan pemegang akaun bersama, Hadiah akan diberikan kepada pemegang akaun CASA Konvensional utama sahaja.



11. Wang yang didepositkan di bawah Kempen ini tidak akan layak untuk sebarang kempen/ promosi UOB Malaysia lain dan tiada kadar khas, tambahan atau istimewa yang lain akan diberi di bawah Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, wang tersebut juga tertakluk kepada terma and syarat yang mengawal CASA Konvensional yang Layak termasuk apa-apa pindaan atau variasi kepadanya.
12. Hadiah adalah tertakluk kepada **SEMUA** syarat-syarat berikut:
 - 12.1. Pengutipan Hadiah adalah di cawangan transaksi oleh Pelanggan yang Layak pada kos dan perbelanjaan mereka sendiri, dan UOB Malaysia tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar Hadiah melalui kurier.
 - 12.2. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang rosak atau dicuri selepas Pelanggan yang Layak mengutip Hadiah di cawangan transaksi. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar secara sebahagian atau keseluruhan untuk wang tunai atau barangan lain.
 - 12.3. UOB Malaysia tidak melakukan perwakilan atau jaminan berkaitan dengan Hadiah, dan khususnya, tidak melakukan jaminan berkaitan dengan kualiti Hadiah atau kesesuaiannya untuk sebarang tujuan.
 - 12.4. UOB Malaysia tidak mempunyai perkaitan dengan organisasi di mana produknya telah disediakan sebagai Hadiah dalam Kempen ini.
 - 12.5. UOB Malaysia berhak untuk mengganti atau mengubah Hadiah dengan hadiah lain yang serupa atau setara dengan nilai Hadiah pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu.
 - 12.6. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan atau ketidakpuasan hati dengan Hadiah.
 - 12.7. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang berbangkit dalam apa jua bentuk dan bagaimanapun timbul, sebarang kemalangan atau kecederaan yang mungkin berlaku dengan penggunaan Hadiah yang diterima.
 - 12.8. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat organisasi di mana produknya telah disediakan sebagai Hadiah dalam Kempen ini.
 - 12.9. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk memeriksa Hadiah setelah penerimaan. Hadiah tidak diperakui oleh UOB Malaysia dan dalam keadaan tidak akan dimasukkannya Hadiah dalam Kempen ini dianggap sebagai pengesahan atau cadangan Hadiah oleh UOB Malaysia. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak berpuas hati dengan Hadiah atau kualitinya, Pelanggan yang Layak akan menyelesaikan dengan vendor (ie. Ixora Pewter & Gifts Sdn Bhd) Hadiah tersebut.



Terma dan Syarat Am

13. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional) termasuk sebarang pindaan atau perubahan terhadapnya dan keputusan UOB Malaysia yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat Pelanggan yang Layak. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional), terma dan syarat ini akan diguna pakai.
14. Pelanggan perlu memperolehi penjelasan daripada pegawai yang diberi kuasa oleh UOB Malaysia jikalau pelanggan mempunyai sebarang keraguan mengenai terma dan syarat yang tidak memahami.
15. Melainkan dinyatakan secara khusus dalam terma dan syarat ini, Kempen ini tidak sah bersama dengan tawaran dan kempen lain (jika ada) yang ditawarkan oleh UOB Malaysia dan tidak ada kadar istimewa, tambahan keutamaan dan / atau hadiah yang akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak sebagai tambahan kepada Kempen ini.
16. Rekod transaksi deposit yang dikekalkan oleh UOB Malaysia and keputusan UOB Malaysia dalam semua perkara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertikaian yang timbul daripadanya) yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan yang Layak. UOB Malaysia tidak berkewajiban untuk memberikan alasan atau melayan surat-menyurat dengan sebarang orang atau mana-mana pihak mengenai perkara yang berkaitan dengan Kempen ini.
17. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku kasar UOB Malaysia, UOB Malaysia secara tegas mengecualikan dan menolak sebarang pernyataan, jaminan atau sokongan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa batasan kepada yang diterbitkan di mana-mana media massa, pemasaran atau bahan iklan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini.
18. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku kasar UOB Malaysia yang berkaitan dengan Kempen ini.
19. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyata fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dilantik berkenaan dengan Kempen yang ditawarkan dan di mana yang diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.



20. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan digunapakai.
21. Deposit yang ditempatkan dengan UOB Malaysia adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Pelanggan yang Layak boleh mendapatkan salinan brosur PIDM dari mana-mana cawangan UOB Malaysia. UOB Malaysia adalah ahli PIDM.
22. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tarikh akhir Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen ini oleh UOB Malaysia tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan sedemikian.
23. UOB Malaysia berhak untuk menambah, membatalkan, menamatkan atau mengubah terma dan syarat Kempen dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagian dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui pengeposan di laman web UOB Malaysia, mempamerkan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia dan / atau mempamerkan di dalam Penyata Akaun atau cara lain seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
24. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

[TAMAT]

